

10/07/1999

Panel antarabangsa kagum kemajuan MSC (HL)

ullah

PUTRAJAYA, Jumaat - Kemajuan pantas projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang menjadi satu lagi jentera pertumbuhan ekonomi Malaysia, mendapat pengiktirafan dan dikagumi ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP).

Kumpulan penasihat elit yang mewakili industri teknologi dan multimedia global itu, memberi pandangan positif itu berdasarkan pencapaian semasa MSC - projek multimedia ulung negara.

Malah, Ketua Eksekutif British Telecom, Peter Bonfield, berkata MSC berada jauh ke hadapan berbanding projek Cyberport di Hong Kong serta Singapore One yang menjadi saingan MSC.

"Apa yang dicapai MSC dalam tempoh yang singkat amat mengagumkan dan banyak yang sudah dicapainya. Tetapi sedikit masa harus diberi untuk projek MSC berjaya," kata Bonfield yang menerajui gergasi telekomunikasi Britain.

Singapore One yang dibangunkan Kerajaan Singapura, akan memberi akses kepada rangkaian komunikasi dan maklumat pantas kepada tiga juta penduduknya manakala Cyberport membabitkan inisiatif sektor swasta di Hong Kong dengan jangkaan kos RM45.5 bilion (AS\$13 bilion).

Bagaimanapun, kedua-dua projek itu tidak selengkap MSC yang merangkumi undang-undang siber, bil jaminan MSC, Universiti Multimedia, penyediaan modal teroka, geran penyelidikan dan pembangunan serta tujuh aplikasi perdana.

Kini, 228 syarikat berstatus MSC didaftarkan merangkumi syarikat tempatan dan antarabangsa.

Ketua Pegawai Operasi Lucent Technologies, Ben Verwaayen, berkata MSC ialah projek pintar kerana bukan saja mengenai bandar dan infrastruktur, malah kehadiran faktor pendidikan, modal teroka dan infrastruktur secara beriringan menjadikannya lebih unik.

"Penyatuan elemen penting yang dilihat di sini dan pencapaian setakat ini cukup mengagumkan," katanya pada sidang akhbar sempena persidangan IAP ketiga bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Bob Bishop, Pengerusi Silicon Graphics World Trade Corporation - pengeluar sistem komputer kelajuan tinggi antarabangsa, turut menyuarakan pandangan yang sama.

"Kami gembira dengan perkembangan yang dicapai sehingga saat ini. Kita juga mengunjurkan projek MSC akan bergerak pada kadar lebih pantas.

"Saya percaya tiada program dengan potensi dan keseimbangan yang sama ada di mana-mana tempat lain," katanya.

Dr Mahathir pula ketika mengulas projek teknologi saingan MSC yang diperkenalkan Singapura dan Hong Kong, berkata:

"Mereka mempunyai sesuatu untuk ditawarkan tetapi kita mempunyai kelebihan kompetitif dan beberapa aspek dan kita mahu berkerjasama dengan hub lain itu."

Dr Mahathir berkata, industri berkenaan (teknologi maklumat) sangat besar dan tiada seorangpun boleh memonopolinya.

"Terdapat ruang peniagaan untuk semua," kata Dr Mahathir yang sebelum itu mempengerusikan mesyuarat IAP pada hari kedua di sini.

Sementara itu, Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Madge Networks Ltd, Robet Madge, berkata MSC tidak perlu meniru Lembah Silikon - pusat pembangunan teknologi maklumat di Amerika Syarikat.

"Sebaliknya, MSC harus membangunkan kandungan yang unik kepada budaya

serantau atau negara dan pasaran yang ingin ditembusi.

"Pembangunan kandungan akan menonjolkan MSC untuk jangka panjang. Malaysia juga perlu menyebarkan maklumat mengenai MSC agar dikenali masyarakat global seperti mereka mengenali Lembah Silikon dan Hollywood," kata Madge.

Semalam, ahli IAP turut menyatakan kesediaan meningkatkan penyertaan dalam MSC termasuk pembinaan perkampungan hiburan bagi pembinaan studio bernilai RM228 juta.

NEC Corporation, gergasi elektronik Jepun, juga menyatakan rancangan pembinaan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) di MSC bagi meningkatkan keupayaan keseluruhannya.

(END)